

Pertandingan Futsal Semarak Piala Dunia

oleh: **Mujahid Halpi**

AHAD, 30 Mac – Pertandingan Futsal Semarak Piala Dunia anjuran Exco Sukan dan Rekreasi Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (JAKMAS) Kolej Kediaman Anugerah Bestari (AB) Sesi 2013/2014 bakal diadakan di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada April ini.

Program ini diadakan bertujuan mengajak mahasiswa dan mahasiswi UMS untuk mengamalkan cara hidup sihat dengan beriadah di samping merasai kehangatan Bola Sepak Piala Dunia 2014 yang akan tiba kelak.

“Pengisian masa lapang yang efisien akan menjadikan mahasiswa dan mahasiswi UMS lebih berfikiran terbuka disamping tidak membuang masa dan mengelakkan gejala kurang sihat berlaku,” kata Nabila Farhani, Exco Sukan Dan Rekreasi JAKMAS AB Sesi 2013/2014.

Beliau yang ditemui berkata, pertandingan ini akan melibatkan penyertaan daripada kesemua Siswa dan Siswi Kolej Kediaman Universiti Malaysia Sabah. Antara yang akan menyertai pertandingan ini adalah Kolej AB sendiri, Kolej Cemerlang Dinamik (CD), Kolej Excellent (E), Kolej USIA, Kolej Kingfisher (KF), dan Kolej Angkasa.

Jelas Nabila, pertandingan ini juga mengetengahkan slogan “Berfutsal sambil Beramal” dimana kesemua peserta akan memberikan sumbangan ikhlas berbentuk wang ringgit kemudian wang tersebut akan disalurkan terus ke rumah anak-anak yatim di sekitar Kota Kinabalu, Sabah.

Pertandingan ini menawarkan hadiah yang lumayan di mana johan akan membawa pulang wang tunai sebanyak RM250, hamper, trofi dan sijil; naib johan RM200, hamper, trofi dan sijil; manakala tempat ketiga akan membawa pulang RM150, hamper, trofi dan sijil.